



Persembahan Tradisional Begendang: Keunikan dan Signifikan dalam Masyarakat Melayu Sarawak

Begendang Traditional Performance: Uniqueness and Significance in Sarawak Malay Society

Nurulakmal Abdul Wahid*, Hafzan Zannie Hamza & Muhammad Faisal Ahmad

*Fakulti Muzik dan Seni Persembahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia*

¹*Corresponding author: nurulakmal@fmsp.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.37134/pambm.vol3.29.2025>

Abstract

This study aims to debate the uniqueness of Begendang through its function and role in public events, as well as to analyze the structure of its performance involving seh gendang, violinists, and markers. Qualitative approach through interviews, direct observation, and analysis of secondary sources. The uniqueness of this performance lies in the dynamic combination of musical instruments such as drums and violins, as well as the ability to play the drum seh gendang while chanting while the dancers dancing while answering the rhymes during the performance. The results of this study are expected to provide a deeper understanding of the importance of Begendang Sarawak in the culture of the Malay community. Contribute to the preservation and promotion of this cultural heritage, as well as increase the awareness of the younger generation on the value and beauty of their cultural heritage.

Keywords: Bermukun, Malay cultural heritage, traditional Malaysian performances, Sarawak Begendang

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membahaskan keunikan Begendang melalui fungsi dan peranannya dalam majlis keramaian, serta menganalisis struktur persembahannya yang melibatkan seh gendang, pemain biola, dan penandak. Pendekatan kualitatif melalui temu bual, pemerhatian langsung, dan analisis sumber sekunder. Keunikan persembahan ini terletak pada kombinasi dinamik antara alat muzik seperti gendang dan biola, serta keupayaan bermain gendang seh gendang sambil berpantun manakala penandak menari sambil menjawab pantun semasa persembahan. Hasil kajian ini dijangka memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang kepentingan Begendang Sarawak dalam budaya masyarakat Melayu. Menyumbang kepada usaha pemeliharaan dan promosi warisan budaya ini, serta meningkatkan kesedaran generasi muda tentang nilai dan keindahan warisan budaya mereka.

Kata Kunci: Begendang Sarawak, Bermukun, persembahan tradisional Malaysia, warisan budaya Melayu

Pengenalan

Persembahan tradisional *begendang* adalah salah satu warisan budaya yang sangat penting dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak, diwarisi melalui generasi sejak zaman dahulu. Sebagai simbol identiti etnik yang kuat, *begendang* memainkan peranan yang kritikal bukan sahaja dalam acara sosial tetapi juga dalam upacara keagamaan, menjadikannya sebahagian tidak terpisahkan daripada kehidupan budaya masyarakat tempatan. Persembahan ini mempunyai fungsi yang utama dalam majlis



perkahwinan di kampung-kampung (Subet, 2019). Walau bagaimanapun, dalam konteks globalisasi dan pemodenan yang semakin pesat, terdapat kebimbangan yang ketara terhadap kelangsungan seni tradisional ini. Seni budaya seperti *begendang* kini berdepan dengan ancaman kepupusan, didorong oleh penurunan minat dalam kalangan generasi muda serta persaingan sengit dari bentuk hiburan moden yang lebih dominan dan menarik perhatian umum (Razali Haji Yu, temu bual peribadi Mei 18, 2023).

Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa walaupun terdapat inisiatif pemuliharaan yang diusahakan oleh pelbagai pihak, kerajaan dan organisasi bukan kerajaan (NGO), persembahan *begendang* masih kurang mendapat perhatian yang sewajarnya dalam kalangan sarjana akademik. Banyak kajian lebih cenderung menumpukan perhatian kepada aspek-aspek umum persembahan tradisional, seperti muzik, pantun, dan kesusasteraan dalam konteks budaya yang lebih luas, tanpa memberikan tumpuan khusus kepada *begendang* sebagai subjek kajian utama. Kekurangan fokus ini menimbulkan persoalan penting mengenai bagaimana keunikan dan signifikan *begendang* dapat dipelihara, difahami, dan dihargai oleh generasi akan datang. Kajian ini bertujuan untuk meneroka secara mendalam persoalan utama berkaitan dengan keunikan dan signifikan persembahan tradisional *begendang* dalam masyarakat Melayu Sarawak. Fokus kajian termasuklah analisis terhadap elemen-elemen unik yang menjadikan *begendang* begitu istimewa dalam konteks budaya dan sosial Melayu Sarawak, serta peranan penting persembahan ini dalam mengekalkan identiti dan warisan budaya etnik Melayu di wilayah ini. Selain itu, kajian ini menilai keberkesanan pelbagai usaha pemuliharaan yang telah dilaksanakan untuk memastikan kelangsungan seni tradisional ini dalam menghadapi cabaran-cabaran masa kini.

Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan menganalisis secara mendalam keunikan serta signifikan persembahan tradisional *Begendang* dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Fokus kajian kes ini terarah kepada tiga aktivis seni persembahan *Begendang* yang masih aktif di Kuching, Sarawak, dengan mempraktikkan seni tradisional ini. Pendekatan kualitatif digunakan dalam kajian ini, membolehkan penyelidik melakukan analisis komprehensif terhadap elemen-elemen persembahan, peranan sosialnya dalam komuniti, serta usaha pemuliharaan yang telah dilaksanakan. Pengumpulan data dilakukan melalui pendekatan etnografi, dan temu bual semi-struktur, yang diatur mengikut beberapa fasa untuk memastikan penyelidikan yang menyeluruh dan mendalam.

i) Pra-lapangan. Kajian Literatur. Pendekatan ini bertujuan untuk memperoleh data daripada kajian lepas yang memberikan gambaran keseluruhan mengenai persembahan *Begendang*, termasuk perkembangannya, struktur, elemen-elemen utama, dan usaha pemuliharaan yang telah dilakukan sebelum ini. Analisis literatur ini juga berfungsi untuk merangka batasan kajian, sekali gus menyediakan landasan yang kukuh bagi pelaksanaan fasa seterusnya, iaitu kajian lapangan. Antara sumber sekunder yang dijadikan rujukan dalam fasa ini termasuk kajian Mohamad Nik Mat Pelet (2024), Samat (2023), Subet (2019), Abdul Wahid (2018, 2014), Narawi (2016), Razali Haji Yu (2010), Tuah (2002), dan Zaini Othman Nyak (2002). Penggunaan sumber-sumber ini membolehkan penyelidik mengaitkan dapatan kajian dengan konteks yang lebih luas, memastikan analisis yang lebih kritikal dan berasaskan bukti.

ii) Lapangan I. Data Lisan. Pengumpulan data lisan melalui temu bual separa struktur yang dijalankan di Kampung Tabuan Hilir bersama kumpulan Mukun Kamek, diketuai oleh En. Haji Jamal Johari, serta aktivis *begendang*, En. Haji Razali Yu dan pegawai JKKN, En. Zurairi bin Hanip. Pemilihan informan bagi temu bual ini fokus kepada pengalaman, latar belakang, peraturan dan penglibatan dalam



persembahan *begendang*. Selain itu, pendekatan ini merungkai pemahaman mendalam mengenai persepsi mereka terhadap keunikan *Begendang*, peranan sosialnya, serta cabaran dalam pemuliharaan seni ini.

iii) *Lapangan II. Pemerhatian.* Pendekatan seterusnya melibatkan pemerhatian semasa di lapangan. Kajian lapangan dijalankan di Kuching, semasa Festival Gendang Sarawak sempena 2023 berlangsung. Festival ini dianjurkan oleh Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negeri Sarawak (JKKN) Program MySeniBudaya. Data-data di kumpul melalui fotografi, rakaman video dan catatan nota. Pada fasa pemerhatian ini, sumber data fokus kepada keunikan dan signifikan dalam persembahan *begendang* melalui langkah tari, pola lantai dan irama lagu yang digunakan.

Dapatan

Elemen utama *Begendang Sarawak.* *Begendang* (muzik), *bermukun* (pantun) dan *bertandak* (tari) merupakan tiga elemen utama dalam persembahan tradisi ini. Menurut Razali Haji Yu dan Jamal Johari (temu bual, 18 & 16 Mei, 2023), keunikan persembahan *begendang* disebabkan oleh tiga elemen ini yang mempunyai kaitan antara satu sama lain. *Begendang* bermaksud bermain gendang dan dalam persembahan ini, terdiri dua atau tiga orang wanita yang digelar *seh gendang*. Dalam persembahan ini, *seh gendang* akan memukul gendang sambil *bermukun* (mendendangkan pantun) secara spontan menggunakan *lela suara* yang unik dan lunak. Tuah Matnor (2002) menyatakan kemerduan *lela suara* dapat menarik perhatian penduduk kampung seberang untuk menghadiri dan melihat persembahan ini. *Penandak* atau penari pula, terdiri daripada lelaki, akan menari sambil menjawab pantun yang dijual oleh *seh gendang*.

Set dan prop persembahan. Keunikan persembahan *begendang* bukan sahaja daripada tiga elemen utama, tetapi dan set dan prop yang digunakan semasa persembahan ini berlangsung. Sekitar tahun 1970-an dan 80-an, persembahan ini menggunakan dua helai kain batik panjang yang digantung pada bahagian atas dan bawah serta beralaskan tikar pada bahagian depan dan belakang kain. Menurut Y.Samat & et al (2023), aktiviti *begendang* ini berlangsung di tengah-tengah rumah sekiranya rumah tersebut mempunyai ruang tamu yang besar. Sekiranya tidak, aktiviti ini akan dilaksanakan di pangkin rumah atau di sekitar kawasan rumah pengantin. Penggunaan prop seperti sapu tangan kecil yang dipegang oleh para penari.

Peranan *seh gendang.* *Seh gendang* merupakan pemain gendang yang terdiri daripada dua atau tiga orang wanita. *Seh gendang* mempunyai peranan penting dalam persembahan ini di mana beliau yang memulakan dan menamatkan persembahan ini (Abdul Wahid, 2018). Menurut Ramli Ali (temu bual, November 29, 2010), dahulu dipercayai, *seh gendang* akan membaca jampi semasa memasang *sidak* (lengkungan rotan untuk meregangkan kulit gendang) sebelum memulakan persembahan.

Peraturan bagi *Penandak.* Menurut Jamal Johari dan Razali Haji Yu (temu bual, 18 & 16 Mei, 2023), keunikan persembahan ini terletak pada pantang larang atau peraturan bagi para *penandak* atau penari. Setiap peraturan ini harus diikuti dan dihormati. Walaupun persembahan ini nampak santai dan bersahaja, tetapi setiap *penandak* harus mempunyai pengetahuan mengenai peraturan sebelum, semasa dan selepas persembahan. Tiga peraturan penting yang harus diketahui ialah 1) Adab masuk gelanggang, 2) Adab membalas pantun dan 3) Adab mengundur diri. Ketiga-tiga adab ini perlu dijaga sebelum, semasa dan selepas persembahan.



Perbincangan Dan Kesimpulan

Keunikan dan Signifikan

Begendang, bermukun dan bertandak. Elemen utama ini telah mengangkat persembahan ini menjadi istimewa dan diminati bukan sahaja masyarakat Melayu, malah kaum etnik yang lain di Sarawak (Mohamad Nik Mat Pelet, et al., 2024). Dalam persembahan ini, setiap elemen mempunyai keunikan tersendiri. Elemen *begendang* dan *bermukun* dipertanggungjawabkan kepada *seh gendang* yang dilakukan secara spontan dan bersahaja. Manakala, *bertandak* sambil *bermukun* dipertanggungjawabkan kepada *penandak* atau penari (dua orang penari lelaki) juga dilakukan secara spontan. Menurut temu bual bersama aktivis budaya Razali Haji Yu, Jamal Jauhari dan Narawi (2023) menyatakan kebijaksanaan dan ketangkasan berfikir dalam masyarakat Melayu dahulu, dapat dilihat dalam persembahan ini, kerana mereka berbalas pantun secara spontan tanpa adanya skrip atau lirik pantun. Data temu bual mendapati, kesemua informan menekankan keunikan dan signifikan persembahan ini terletak pada kemahiran berpantun secara spontan sambil bermain gendang dan menari. Kemahiran ini bukan kemahiran yang mudah untuk dikuasai dalam masa yang singkat.

Setting ruang persembahan. Persembahan ini selalunya diadakan di majlis perkahwinan yang berfungsi sebagai hiburan dan memeriahkan suasana serta berfungsi sebagai pencarian jodoh. Signifikan kedudukan dan penyusunan tempat persembahan ini unik di mana terdapat jurang di antara kedudukan *seh gendang* dan *penandak*. Walaupun persembahan ini berfungsi sebagai hiburan, adab dan tertib serta batasan lelaki dan wanita dititikberatkan. Menurut Samat & et al (2023), rekaan rumah masyarakat Melayu telah menunjukkan kedudukan wanita dan lelaki termasuk tetamu, diasingkan. Seperti yang dinyatakan pada dapatan, persembahan ini menggunakan kain batik yang dibahagikan dua bahagian iaitu atas dan bawah dijadikan tabir. Tabir ini telah mengasingkan kedudukan *seh gendang* dan *penandak*. Prop yang dibawa oleh *penandak* iaitu sapu tangan, atau selendang mempunyai fungsi yang signifikan dalam persembahan. Setiap *penandak* akan membawanya dan semasa persembahan berlangsung, *penandak* mempunyai misi tersendiri (Jamal Jauhari, temu bual, 16 Mei, 2023). Terdapat *penandak* yang ingin menunjukkan penghargaan kepada *seh gendang* dan memberi selendang atau sapu tangan dengan mencampak di sebalik tabir tersebut. Ada juga yang akan meletakkan surat atau duit dengan mengikat dalam simpulan selendang dan dicampak atau diletakkan pada dulang yang disediakan oleh tuan rumah (Zaini, 2004). Selain itu, signifikan campakkan selendang tersebut untuk mencari jodoh di mana ada mencampak kepada gadis-gadis lain yang berada di sebalik tirai itu. Signifikan set dan prop persembahan *begendang* ini memberi simbol atau maksud di sebalik konteks sosial perhubungan di antara lelaki dan wanita serta menunjukkan keunikan dalam konteks visual persembahan ini.

Signifikan Pantun. *Seh gendang* akan memulakan paluan gendang dengan memainkan irama yang dipilih. Persembahan ini mempunyai pelbagai rentak irama yang dimainkan. Ini antara irama yang popular sehingga kini, iaitu irama Samsuddin, irama cinta berahi, irama Menyubur, irama Sayang Sarawak, irama Indong Anak dan irama Laila Majnun (Jamal Jauhari, temu bual, 16 Mei, 2023). Persembahan ini akan dimulakan oleh *seh gendang* dengan pantun pembuka dengan memberi pembayang seperti warna baju, atau kain yang ada pada pasangan *penandak*. Di sini, setiap pasangan *penandak* harus peka, dan untuk masuk di ruang persembahan. Isi dan pembayang pantun dalam persembahan ini unik dan memberi makna serta perlambangan yang mendalam. Para *penandak* juga perlu mempunyai kemahiran berpantun untuk menjawab pantun yang dijual oleh *seh gendang*. Persembahan ini akan berterusan sekiranya *seh gendang* masih meneruskannya sehingga pembayang pantun, memberi simbol untuk 'undur diri' atau rentak paluan gendang bertukar ke irama lain, akan memberi tanda kepada *penandak* untuk memberhentikan atau menukar langkah *tandak* yang sesuai.



Dahulu, pantun tidak mempunyai tema dan ia dilakukan secara spontan. Apabila ia telah dijadikan sebuah pertandingan, tema dan konsep akan diberikan oleh penganjur. Pada tahun 2023, Festival Gendang Melayu Sarawak telah memberi tema pantun 'Sarawak Madani' sebagai tema pertandingan *begendang*.

Adab dan tertib persembahan. Struktur persembahan bermula pembuka, pertengahan dan penutup. Persembahan ini akan ditarikan secara berpasangan oleh dua penari lelaki. Seperti yang dinyatakan dalam dapatan, terdapat peraturan dan pantang larang dalam elemen *bertandak*. Para *penandak* harus mengetahui adab dan tertib dalam *bertandak*. Pada awal persembahan, *seh gendang* akan memulakan paluan gendang, dan paluan rentak kedua, para *penandak* akan masuk dan memberi langkah sembah. *Penandak* akan bersusun mengikut kedatangan mereka dan setiap sesi, hanya ada satu atau dua pasangan sahaja yang menari. *Penandak* akan memulakan langkah sembah diantara pasangan dan juga kepada *seh gendang*. Kedua-dua *penandak* akan bergilir-gilir menjawab pantun sambil menari. Sekiranya *seh gendang* masih menjual pantun kepada *penandak 1*, *penandak 2* tidak boleh menjawab pantun tersebut. Menurut Razali Haji Yu, kepekaan *penandak* mendengar pantun sambil menari bukannya mudah. Mereka harus peka, sekiranya tersilap jawab atau *penandak* yang salah menjawab, *seh gendang* akan memberi pantun penutup, untuk pasangan ini berundur. Bagi *penandak* yang lain, mereka harus menunggu giliran dan tidak boleh menerjah masuk secara sengaja. Perselisihan faham akan berlaku dan menyebabkan pergaduhan akan berlaku (Jamal Jauhari, 2023). Semasa berlangsungnya persembahan, sekiranya pasangan *penandak* ingin mengundur diri, beliau akan melakukan langkah tertentu sebagai simbol kepada pasangannya. Dalam persembahan ini, pelbagai langkah-langkah *tandak* yang mempunyai signifikansi tersendiri, untuk digunakan sebagai simbol menukar pergerakan, simbol undur diri, simbol menjenguk tabir dan sebagainya. Kepatuhan kepada peraturan ini adalah penting untuk memastikan bahawa walaupun persembahan *begendang* nampak santai dan bersahaja, ia tetap mematuhi norma-norma yang telah diwarisi sejak turun-temurun.

Kesimpulan dari perbincangan ini menunjukkan bahawa persembahan tradisional *Begendang* dalam masyarakat Melayu Sarawak bukan sahaja kaya dengan elemen seni tetapi juga memainkan peranan yang signifikan dalam mengekalkan identiti dan warisan budaya. Elemen-elemen utama seperti *begendang*, *bermukun*, dan *bertandak* menjadi nadi utama yang menjadikan persembahan ini unik dan istimewa, popular bukan sahaja dalam kelompok masyarakat Melayu malah juga popular dalam kaum-kaum lain di Sarawak. Keterampilan dalam berpantun secara spontan sambil memainkan gendang dan menari memerlukan kebijaksanaan dan ketangkasan yang tinggi, memperlihatkan kemahiran yang diwarisi secara turun-temurun harus diturunkan kepada generasi kini terutama generasi muda. Menurut Zurairi Hanip (temu bual, 17 Mei, 2023), kemahiran berpantun sambil *begendang* dan *bertandak* telah hampir hilang, kerana kemahiran ini kurang diturunkan kepada generasi baru. Usaha pemuliharaan dan pemeliharaan bagi tradisi ini telah dilaksanakan oleh JKKN Sarawak melalui pertandingan *seh gendang* dan *bertandak* di Festival Gendang Melayu Sarawak sejak 2018 sehingga 2023. Pertandingan ini dapat mencungkil bakat muda bagi *seh gendang* dan juga *penandak cilik*.

Keunikan lain dari persembahan ini terletak pada *setting* ruang dan prop yang digunakan, yang tidak hanya berfungsi untuk memisahkan antara pemain lelaki dan wanita tetapi juga mencerminkan adat dan tertib yang dijaga dalam interaksi sosial antara kedua-dua *gender*. Ini memperlihatkan bagaimana persembahan ini memelihara norma-norma sosial dan memberi makna yang lebih mendalam kepada setiap tindakan dan penggunaan prop dalam konteks persembahan tersebut. Penggunaan sapu tangan dan selendang sebagai alat komunikasi simbolik antara *penandak* dan *seh gendang* menambah lapisan makna yang memperkaya pengalaman visual dan emosional penonton. Tambahan pula, pantun yang dibawakan dalam persembahan ini bukan sekadar hiburan tetapi merupakan medium untuk menyampaikan mesej-mesej yang mendalam dan simbolik, mencerminkan kebudayaan dan nilai-nilai



masyarakat Melayu Sarawak (Narawi, 2016). Irama-irama yang dimainkan juga memperkuat suasana dan menyampaikan emosi yang berbeza, menjadikan setiap persembahan unik dan tidak dapat diulang dengan cara yang sama.

Pematuhan peraturan dan pantang larang dalam persembahan ini merupakan komponen yang penting bagi setiap *penandak*. Adab dan tertib yang perlu dipatuhi oleh *penandak* bukan sahaja menunjukkan disiplin yang tinggi tetapi menunjukkan bagaimana kesantiaian persembahan ini tetap mematuhi norma-norma yang diwarisi. Ini penting untuk memastikan persembahan ini tidak hanya dilihat sebagai hiburan semata tetapi sebagai medium pemeliharaan budaya yang kaya dengan nilai dan makna. Keseluruhannya, kajian ini menggariskan bahawa persembahan *Begendang* bukan sahaja perlu dipelihara kerana keunikannya tetapi juga kerana peranannya yang penting dalam mengekalkan warisan budaya yang kaya di Sarawak.

Penyataan Kredit Penulis

Nurulakmal Abdul Wahid: Tajuk, Konsep dan Penulisan; Hafzan Zannie Hamza: Penyusunan Data dan Semakan Penulisan; Muhammad Faisal Ahmad: Semakan abstrak dan Struktur Penulisan dan Penyuntingan.

Penghargaan

Geran GPU: Penyelidikan ini dibiayai oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris di bawah Geran Penyelidikan Universiti Strategik 3/2022 [2022-0045-107-01]

Penghargaan kepada informan En. Haji Jamal Jauhari, En. Haji Razali Yu dan pegawai JKKN, En. Zurairi bin Hanip. En. Formalavia Tinggang, En. Narawi Rashidi, Kumpulan Mukun Kamek, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (JKKN) Negeri Sarawak dan Kampung Budaya Sarawak.

Deklarasi Bebas Kepentingan

Penulis mengisytiharkan bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan kewangan yang bersaing atau hubungan peribadi yang mempengaruhi kerja yang dilaporkan dalam kertas kerja ini.

Rujukan

- Abdul Wahid, N. (2014). Perkembangan dan Perubahan Struktur Persembahan Tradisi Gendang Melayu Sarawak. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7(2), 137-151.
- Abdul Wahid, N. (2018). Begendang Sarawak: Daripada Persembahan Kampung kepada Persembahan Pentas. In NA Hamidon, MA Majid & MN Ahmad (Eds.) *Tirai Kasih Pentas Budi: Siri Ilmiah APM-ITBM*. Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad, pp. 27-42.
- Jubli, N. A. (2022). Keunikan Budaya Mukun Melayu Sarawak. 1(2).
- Narawi, M. S. (2016). Nilai murni dalam bermukun dan bergendang masyarakat Melayu Sarawak, *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, Universiti Utara Malaysia, pp. 93-100. <http://dx.doi.org/10.21070/picecrs.v1i1.581>
- Narawi, M. S., Ismail, N. H., & Lee, J. C. (2020). Pantun Melayu Sarawak Sebagai Wadah Penerapan Nilai Tanggungjawab. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3(11), 19-31
- Nik, M., Pelet, M., Rashidin, R., Daud, N., Samud, N. N., Melayu, P., Teknologi, U., Uitm, M., & Alam, S. (2024). *Bermukun dalam Tradisi Masyarakat Sarawak*. 6(1), 31-45
- Othman, Nyak Zaini (2002). Gendang Melayu Sarawak. *Kebudayaan Kesenian & Warisan Malaysia (KEKKWA)*.



- Razali Haji Yu. (2010). Kajian Budaya Bergendang di Kalangan Orang Melayu Sarawak. Institut Perguruan Batu Lintang, Kuching.
- Samat, Y. S., Syed Ariffin, S. A. I., Abdullah Goh, N., & Ting, J. H. S. (2023). "Bergendang" and Its Spatial Use in Traditional Sarawak Malay House. *Environment-Behaviour Proceedings Journal*, 8(23), 127–136. <https://doi.org/10.21834/ebpj.v8i23.4489>
- Subet, M. F. (2019) Bergendang dan bermukun dalam masyarakat Melayu Sarawak. In: Kompilasi artikel linguistik, bahasa dan budaya Sarawak. Universiti Malaysia Sarawak, pp. 113-129. <http://ir.unimas.my/id/eprint/25882>
- Tuah, Matnor. (2002). Gendang Melayu Sarawak. Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sarawak.